

AKIDAH

ISLAM SEBAGAI AD-DIN YANG MEMBAWA RAHMAT

(A) - Pengertian Islam

- 1- Dari segi bahasa bermaksud menyerah diri
- 2- Dari segi istilah bermaksud kepatuhan kepada perintah dan larangan Allah
- 3- Islam sebagai ad-Din adalah menjadikan Islam sebagai pegangan dan panduan dengan mendalami, mempelajari dan menghayati dasar-dasar Islam, hukum-hukum dan halal-haramnya. (Cara hidup)

(B) – Kedudukan Islam sebagai ad-Din yang sempurna di sisi Allah

- 1- Allah hanya mengiktiraf Islam sebagai agama yang diredai oleh Allah
- 2- Islam sesuai kepada semua manusia tanpa mengira bangsa dan warna kulit. Ini dibuktikan dengan ramainya muallaf yang memilih Islam sebagai cara hidup berdasarkan kajian dan ilmu pengetahuan yang membuktikan Islam sebagai agama yang benar.
- 3- Islam agama fitrah bersifat suci dan sesuai dengan tabiat semulajadi manusia merangkumi semua aspek kehidupan.
- 4- Islam menjamin wujudnya kesejahteraan dan keselamatan kepada semua makhluk berpandukan peraturan hidup yang lengkap.

(C) – Sebab-sebab manusia perlu menjadikan Islam sebagai ad-Din

- 1- Islam adalah satu-satunya agama yang diredai oleh Allah
- 2- Syariat Islam memansuhkan syariat agama-agama terdahulu
- 3- Nabi Muhammad SAW yang membawa risalah Islam diutuskan kepada seluruh umat manusia
- 4- Kitab al-Quran merupakan sumber rujukan utama yang dipelihara oleh Allah hingga hari kiamat.

(D) – Keistimewaan Islam sebagai ad-Din

Agama Islam mempunyai pelbagai keistimewaan yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana agama. Antaranya ialah :

- 1- Rabbani (Ketuhanan)
 - ☐ Islam ialah cara manusia yang datang daripada Allah
- 2- Thabitun (Tetap)
 - ☐ Nilai hidup Islam adalah thabitun (tetap) dan tidak dapat diperolok-olokkan
- 3- Hablun minal Allah wa hablun minannas
 - ☐ Islam menekankan aspek hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia
- 4- Tawazun (Pertimbangan)
 - ☐ Islam ialah cara hidup yang mempunyai keserasian dan persefahaman antara cita-cita dan kenyataan, zahir dan batin.

5- Syumul (Sejagat / Universal)

- ☐ Islam ialah cara hidup yang menyeluruh, yang mengatur semua aspek kehidupan manusia.

6- Wasatiah (Sederhana)

- ☐ Iaitu seimbang, pertengahan dan sederhana. Islam berada di tempat yang sesuai sebagai jalan tengah antara dua situasi yang bertentangan.

(E) – Kepentingan Islam sebagai ad-Din dalam kehidupan manusia

- 1- Membersihkan akal dan jiwa daripada kepercayaan khurafat
- 2- Membersihkan hati sehingga menjadi ikhlas hanya kerana Allah
- 3- Islam mengajar manusia supaya menegakkan dan memperjuangkan keadilan
- 4- Islam menjadi panduan dalam mentadbir keluarga, masyarakat dan negara.

(F) – Usaha-usaha dan tindakan untuk mengamalkan Islam sebagai ad-Din

☐ **Individu**

- 1- Mendalami ilmu-ilmu agama dengan bersungguh-sungguh
- 2- Mengamalkan perintah Allah dan meninggalkan larangannya

☐ **Masyarakat**

- 1- Mewujudkan suasana yang mengamalkan sunnah dalam masyarakat
- 2- Mengelakkan perbalahan dalam perkara cabang dan bersatu dalam perkara dasar

☐ **Negara**

- 1- Memperkasakan perundangan berkaitan agama Islam
- 2- Memperkasakan Pendidikan Agama Islam di sekolah-sekolah.

LATIHAN

Isi tempat kosong dengan betul

1. Allah hanya mengiktiraf _____ sebagai pegangan hidup.
2. _____ memansuhkan syariat agama terdahulu.
3. Kepentingan islam sebagai ad-din dapat membersihkan _____ dari _____.
4. Jelaskan dua bukti kedudukan islam sebagai ad-din.

- _____

- _____

(2 markah)

5. Terangkan dua sebab manusia perlu menjadikan islam sebagai ad-din

- _____

- _____

(4 markah)

6.

Mutakhir ini, gejala murtad mula menyerang
orang-orang islam di Malaysia

Berdasarkan pernyataan di atas, kenapakah manusia masih mencari agama lain selain islam? Berikan pendapat anda beserta hujah dan rumusan.

Isi	
Huraian	
Huraian lengkap	
Dalil	
Huraian dalil/ Contoh	
Rumusan	

JAWAPAN

1. islam
2. syariat islam
3. akal/jiwa
4. - Allah hanya menerima islam sebagai agama yang diredhai dan tidak menerima selain islam
- Penyebaran dan cara hidup islam berkembang dan tersebar luas tanpa mengira bangsa dan warna kulit.
5. - Islam adalah satu-satunya agama yang diredhai Allah dimuka bumi
- Syariat islam telah memansuhkan syariat terdahulu yang tidak lagi sesuai
- 6.

Isi	Pegangan akidah yang rapuh
Huraian	Kerana kurangnya didikan agama
Huraian lengkap	Hal ini menyebabkan mereka gagal menyaksikan kebenaran islam yang dibawa Rasulullah saw
Dalil	Al-imran ayat 19
Huraian dalil/ Contoh	Allah swt menjelaskan islam adalah agama yang diredhai
Rumusan	Kesimpulannya keredhaan Allah terhadap islam dan umatnya melangkaui jangkaan manusia